

Najib, Jho Low cuba tutup jejak jenayah



Bekas PM kemuka dokumen palsu tunjukkan wang diterima derma daripada Putera Arab

Kuala Lumpur: Selepas skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terbongkar pada awal Julai 2015, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low atau Low Taek Jho cuba menutup jejak jenayah mereka.

Tindakan itu dilakukan oleh Najib dan Jho Low yang juga disifatkan sebagai 'bayangannya' dengan mengemukakan dokumen palsu kononnya bagi menunjukkan bahawa wang diterima adalah derma daripada Putera Arab.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, dalam pernyataan pembukaan kes 1MDB dihadapi Najib, berkata antara dokumen itu ialah surat dan empat cek masing-masing berjumlah AS\$25 juta yang kononnya ditulis oleh seseorang yang dikatakan sebagai penderma Arab.

Sri Ram berkata, bagaimanapun cek berkenaan bukan diniat-



Farizah Ahmad

kan untuk ditunaikan dan tidak pernah ditunaikan.

"Pihak pendakwaan akan mengemukakan bukti bagi menunjukkan bahawa tertuduh mengambil langkah aktif untuk mengelakkan daripada hukuman.

"Tertuduh juga campur tangan dalam perjalanan siasatan skandal 1MDB ini, beliau mengambil langkah aktif untuk menutup kesalahan jenayahnya.

"Oleh itu, pendakwaan akan bergantung kepada bukti ini bagi menunjukkan tertuduh mempunyai niat dalam kesalahan yang didakwa dilakukannya itu," katanya.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengulas pernyataan pembukaan itu di luar mahkamah, berkata apa yang penting adalah sama ada Najib tahu wang yang disalurkan ke akaunnya berasal daripada 1MDB.

Muhammad Shafee berkata, persoalan sama ada dokumen itu



Farah Nurdiana Azhar

adalah tulen atau palsu perlu dibuktikan oleh pendakwaan.

"Saya tak peduli sama ada Low Taek Jho tahu. Adakah Najib tahu? Kalau beliau tahu, baru anda boleh hukumnya (Najib) selepas itu," katanya.

Dalam perbicaraan semalam, seramai empat saksi dipanggil memberi keterangan iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Hal Ehwal Kabinet Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan antara Kerajaan, Datuk Dr Farizah Ahmad, 52; Ketua Unit Tuntutan dan Saraan, Bahagian Kewangan Kewangan Jabatan Perdana Menteri, Natasha Rahimah Haryati Mohamad, 47; Pegawai Tadbir Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen, Parlimen Malaysia, Farah Nurdiana Azhar, 42; dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif ORB Solutions, Norhaina Hirawani Md Noor, 41.

Norhaina dalam keterangannya berkata Najib mengeluarkan cek



Norhaina Hirawani Md Noor

RM2 juta bagi pembayaran kos operasi ORB Solution Sdn Bhd iaitu syarikat pembangunan aplikasi dan strategi komunikasi untuk bekas Perdana Menteri itu.

Beliau berkata, bayaran berkenaan dilakukan atas nama ORB Solutions.

Menjawab soalan Gopal pada sesi pemeriksaan utama, saksi itu berkata syarikat yang ditubuhkan pada 2008 itu mengendalikan perkhidmatan digital untuk Najib ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Ia termasuklah menguruskan akaun media sosial dan imejnya dalam talian. Perkhidmatan itu bertujuan memudahkan Najib berhubung dengan orang awam secara tidak formal," katanya.

Farah Nurdiana pula berkata elaun bulanan sebagai Ahli Parlimen yang diterima Najib selepas Januari 2015 adalah sebanyak RM19,846.59 termasuk elaun Ketua Dewan.